

Headline	8IPT dapat status Swaakreditasi MQA		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	12
ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,022		



## 8 IPT dapat status Swaakreditasi MQA

PUTRAJAYA - Lapan lagi universiti awam dan swasta tempatan berjaya mendapat Perakuan Status Swaakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selepas terbukti mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang kukuh dan mantap.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, universiti yang mendapat perakuan itu ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Petronas, Universiti Perubatan Antarabangsa dan Universiti Utara Malaysia.

Menurutnya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Multimedia turut tersenarai menerima status tersebut.

"Menerusi status Swaakreditasi ini, senat universiti tersebut diberikan kepercayaan oleh MQA untuk mengkredit sendiri program pengajian melalui sistem kualiti dalaman mereka berpancukan Kerangka Kelayakan Malaysia serta standard oleh MQA selain Kementerian Pendidikan Tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang



IDRIS bergambar bersama wakil universiti yang menerima sijil Perakuan Status Swaakreditasi di Putrajaya semalam.

akhtar selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Pengumuman Perakuan Status Swaakreditasi di sini semalam.

Sementara itu, Idris berkata, MQA juga mengekalkan status Swaakreditasi ke atas empat universiti awam dan empat kampus cawangan universiti luar negara yang diberikan pada tahun 2010 dan dinilai semula pada tahun 2015 dan 2016.

Universiti berkenaan ialah Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Monash University Malaysia, University of Nottingham Malay-

sia, Curtin University Sarawak Malaysia dan Swinburne University of Technology (Sarawak).

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Datuk Hassan Said dalam satu kenyataan berkata, usaha mendapatkan status tersebut telah bermula sejak universiti berkenaan menerima jempunan daripada pihak menteri pada 2013.

"Melalui pengiktirafan ini, UiTM terbukti mampu untuk mengurus selain mengendalikan kecukupan serta kesanggupan mengawal sesebuah program akademik," katanya.